

Headline	Barangan keperluan cukup hingga Aidilfitri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 May 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	5	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	553 cm <sup>2</sup>
Journalist	Suhaila Shahrul Annuar	AdValue	RM 19,062
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,187



# Barangan keperluan cukup hingga Aidilfitri

➔ Harga jualan wajar berpatutan walau permintaan meningkat

**Oleh Suhaila Shahrul Annuar dan Izlaily Nurul Ain Hussein**  
cnews@nstp.com.my

► **Putrajaya**

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan bekalan barangan keperluan sepanjang Ramadan sehingga sambutan Aidilfitri adalah mencukupi.

Menterinya, Salahuddin Ayub, berkata harga jualan di pasar khususnya pasar tani sepatutnya berpatutan walaupun berlaku peningkatan permintaan sepanjang musim perayaan.

Katanya, kementerian mengambil langkah proaktif bagi menjamin bekalan barangan keperluan mencukupi, termasuk meningkatkan pengeluaran tempatan, menambah kuota import bagi beberapa makanan terpilih serta melaksanakan sekatan eksport ikan.

“Bagi menjamin bekalan bahan

makanan utama seperti daging, ayam, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan mencukupi, persediaan menghadapi musim perayaan dibuat sejak tiga bulan lalu,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagi tempoh sebulan musim perayaan sempena Ramadan dan Aidilfitri, katanya, anggaran jumlah pengeluaran makanan utama seperti daging lembu (tempatan dan import) adalah 49,733 tan, ayam (tempatan) (351,046 tan) dan telur ayam sebanyak 2.8 bilion biji.

Turut tersenarai, katanya, kubis bulat 15,000 tan dan ikan (pelbagai spesies) mencecah 108,500 tan.

Salahuddin berkata, jika berlaku bekalan tidak mencukupi dan mengesan peningkatan harga, penguna dinasihatkan membuat laporan kepada kementeriannya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

“Penguatkuasaan akan diper-

Headline	Barangan keperluan cukup hingga Aidilfitri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 May 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	5	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	553 cm <sup>2</sup>
Journalist	Suhaila Shahrul Annuar	AdValue	RM 19,062
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,187



**Salahudin (kiri) bersama Osman berbincang** ketika bertemu di Pejabat Menteri Besar Johor di Kota Iskandar, Iskandar Puteri, semalam.

tingkatkan dengan kerjasama KPDNKK bagi memastikan tiada unsur pencatutan dan peniaga meletak tanda harga pada barang jualan.

"Sebagai rujukan, pengguna juga boleh menggunakan aplikasi My-Harga Tani dan Go Pasar Tani oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Price Catcher oleh KPDNKK bagi mendapatkan maklumat dan membuat perbandingan harga," katanya.

#### **Johor hab ternakan lembu**

Di **Iskandar Puteri**, Salahuddin berkata, Johor akan menjadi hab ternakan lembu daging terbesar dalam negara apabila projek National Feedlot Corporation (NFC) di negeri itu diteruskan.

Katanya, projek yang akan diberi nafas baharu dengan nama lain itu akan dilaksanakan sebaik mendapat kelulusan Kabinet dua minggu lagi.

"Satu kertas Kabinet akan saya bawa untuk meneruskan projek



Bagi menjamin bekalan bahan makanan utama seperti daging, ayam, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan mencukupi, persediaan menghadapi musim perayaan dibuat sejak tiga bulan lalu"

**Salahuddin Ayub,**  
Menteri Pertanian  
dan Industri Asas Tani

yang objektifnya sangat baik iaitu untuk membekalkan 30 peratus keperluan daging tempatan.

"Objektif ini sangat murni dan saya sudah berbincang dengan Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian supaya melihat semula status tanah yang dahulunya digunakan untuk projek ini iaitu sebahagiannya di Muar, Segamat dan Pagoh untuk meneruskan projek ini.

"Jika projek ini diluluskan oleh Kabinet, Johor akan menjadi hab ternakan lembu daging terbesar dalam negara kita. Itu hasrat saya untuk menjayakan projek ini," katanya ketika sidang media di Pejabat Menteri Besar Johor di Kota Iskandar di sini, semalam.

Salahuddin dalam kunjungan pertamanya sebagai menteri ke pejabat Menteri Besar Johor, berkata jika projek itu dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, telus dan segala pemantauan dilakukan dengan baik, maka ia dapat membantu ramai usahawan muda.